Headline	THT, TNB TENTUKAN JUARA PIALA TNB		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	40
ArticleSize	191 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,148		

THT, TNB TENTUKAN JUARA PIALA TNB

Kapten TNB, Syed Safiq Syed Cholan (kiri) dan Fitri Saari memegang Piala TNB.

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) tekad menjulang trofi sulung musim ini dan akan memastikan perlawanan menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada aksi final Piala TNB akan berakhir dalam masa sebenar di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil malam ini.

Penyerang THT Faizal Saari berkata skuadnya perlu mengelak perlawanan diheret ke penentuan pukulan penalti dalam usaha menyekat misi *treble* TNB musim ini selepas menjulang Piala Sumbangsih sebelum merangkul kejuaraan MHL bulan lepas.

"Untuk saingan musim ini, memang THT tampil sebagai *underdog*. Namun ini ialah perlawanan final, sudah tentu kami akan berjuang habis-habisan dan menampilkan prestasi terbaik," katanya.

THT yang juga juara bertahan mengesahkan slot final menerusi agregat 6-1 ke atas Maybank.

TNB pula melangkah ke final dengan agregrat 8-2 ke atas skuad UiTM HA-KPT.

Skuad THT menewaskan TNB 2-1 pada perlawanan akhir tahun lalu.

Powered by: isentia